

Lizard as Spreader of Salmonella Bacteria: Significant and Interaction Methods According to Fiqh al-Hadith

Mohd Farhan Md Ariffin¹, Khadher Ahmad¹, Mohd Anuar Ramli², Ahmad Bakrin Sofawi Abu Bakar³

¹ *Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

² *Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

³ *Program Pengajian Islam dan Sains (APIDS), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur*

al.muqarrobiin@gmail.com

Abstract

In early year 2016, Malaysia uproar when international media reported that there was an infection of salmonella on salad and tomato products imported from Australia and altogether raise anxiety among society. Salmonella is a bacterium which causes infectious disease called salmonellosis and inhabit humans and animal intestines. Among the causes of salmonella bacteria outbreak is from the intervention of pests such as lizard. Lizard nature which loves to throw feces everywhere is able to contribute to the salmonella outbreaks. Apart from that, direct exposure to touch, skin and lizard droppings are also capable of spreading the salmonella bacteria. Significantly, Prophet Muhammad SAW has warned on threat posed by pest cluster including lizards in his set saying. Thus, this article strives to peel regarding lizard description with the methods to interact with pests through fiqh al-Hadith discussions. This case is important to provide guidance to society regarding harms that able to be incarnated by particular animal and also the most efficient control techniques according to Prophetic tradition without marginalizing animal exclusive rights.

Keywords: Lizard; Salmonella; Pest; Significant; Interaction Rule

Cicak Penyebar Bakteria *Salmonella*: Signifikan dan Kaedah Interaksi Menurut *Fiqh Al-Hadith*

Abstrak

Pada awal tahun 2016, Malaysia gempar apabila media antarabangsa melaporkan bahawa terdapat jangkitan *salmonella* pada produk salad dan tomato import dari Australia dan sekaligus menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat. *Salmonella* merupakan sejenis bakteria yang menyebabkan penyakit berjangkit dipanggil *salmonellosis* dan mendiami usus manusia dan haiwan. Antara punca penularan bakteria *salmonella* adalah hasil daripada campur tangan haiwan perosak seperti cicak. Sifat cicak yang suka membuang najis merata-rata mampu menyumbang kepada penularan wabak *salmonella*. Selain itu, pendedahan secara langsung kepada sentuhan, kulit dan najis cicak juga mampu menyebarkan bakteria *salmonella*. Signifikannya, Nabi Muhammad SAW telah memperingatkan mengenai ancaman kelompok haiwan perosak termasuk cicak dalam himpunan sabdanya. Justeru, makalah ini berusaha mengupas perihal cicak berserta kaedah berinteraksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) secara rinci melalui perbincangan *fiqh al-Hadith*. Hal ini penting bagi memberi panduan kepada masyarakat berhubung mudarat yang mampu dijelmakan haiwan tertentu dan juga teknik kawalan paling berkesan menurut *al-Sunnah* tanpa meminggirkan hak-hak eksklusif haiwan.

Kata kunci: Cicak; Salmonella; Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak); Signifikan; Kaedah Interaksi

Pengenalan

Cicak menurut istilah Bahasa Arab disebut *al-Wazagh* (Ibn Manzur, t.t.). Manakala menurut definisi kamus Bahasa Inggeris, cicak didefinisikan sebagai “*lizard, a small reptile with four legs, dry skin and a long tail*” (Keith Brown, 2001) bermaksud haiwan reptilia yang mempunyai empat kaki, berkulit kering dan berekor panjang. Secara umumnya cicak merupakan haiwan reptilia dari famili *Gekkonidae* yang suka merayap di dinding-dinding, atap rumah dan pokok (Hidayat, P. 2005).

Ciri-Ciri Biologi Cicak

Terdapat empat kumpulan reptilia iaitu kura-kura, cicak, ular dan buaya (Marie Farre, 1995). Cicak mempunyai bentuk badan seakan-akan biawak namun bersaiz lebih kecil. Badannya diselaputi kulit bersisik kalis air dan cicak perlu berjemur di bawah cahaya matahari bagi tujuan pengumpulan tenaga.

Cicak merupakan pemakan serangga dan memiliki lidah panjang untuk menangkap mangsa. Dengan sekali juluran lidah, mangsa terus melekat dan boleh dimakan (Neti Lim, *et al.* 2006).

Ciri-ciri khusus cicak rumah ialah mampu menempel di atas permukaan rata yang tegak seperti di dinding atau langit rumah. Cicak dapat memanjat walaupun di atas kaca dengan bantuan mangkuk-mangkuk perekat yang berada di hujung jari kaki. Malah cicak dapat mengatur jumlah perekat yang dirembeskan. Oleh demikian, cicak dapat bergerak tanpa jatuh (Eli Sulistyanto, Edy Wiyono, 2008).

Cicak di kawasan gurun pula mempunyai satu ciri unik iaitu berupaya menyingkirkan lebih garam melalui hidung. Ekoran cuaca panas melampau, kelebihan ini membolehkan cicak menyingkirkan hanya sedikit air dari tubuh, tidak seperti haiwan lain yang menyingkirkan lebih garam melalui air kencing.

Spesies Cicak

Cicak secara amnya meliputi semua spesies cicak, dari cicak kecil sehinggalah biawak monitor sebesar buaya sekaligus membentuk keluarga reptilia yang besar.

Spesies cicak yang sering dijumpai di Malaysia antaranya ialah cicak tembok (*Cosymbotus platyurus*), cicak kayu (*Hemidactylus frenatus*) dan cicak gula (*Gehyra mutilata*). Cicak tembok atau *flat-tailed house-gecko* sering ditemui di tembok dan atap rumah. Cicak ini bertubuh pipih lebar, berekor lebar dengan bintik-bintik halus di bahagian tepi. Dari sisi bawah, kelihatan lipatan kulit yang agak lebar di perut dan belakang kaki.

Selain itu, cicak kayu (*common house-gecko*) bertubuh lebih kurus dan memiliki ekor bulat dengan enam benjolan kulit menyerupai duri yang memanjang

dari pangkal ke hujung ekor. Cicak kayu suka tinggal di pokok-pokok sekitar halaman rumah dan atap. Ia sering dijumpai bersama spesies cicak tembok.

Seterusnya, cicak gula (*Pacific gecko, sugar lizard, tender-skinned house gecko, four-clawed gecko, atau stump-toed gecko*) bertubuh lebih kecil dengan kepala membulat dan warna kulit menyerupai warna daging. Cicak ini kerap ditemui di sekitar dapur, bilik mandi dan almari makanan. Ia suka makan butir-butir nasi atau gula yang menjadi kesukaannya (Hidayat, 2005).

Gecko (tokek) merupakan spesies cicak besar yang sering ditemui di kawasan hutan tropika Malaysia dan Indonesia. Ia menjadi kegilaan kerana memiliki bentuk rupa unik.

Termasuk dalam kalangan spesies cicak antara lain ialah *gila monster*, mengkarung pasir, biawak pasir, cicak terbang, biawak monitor Nil dan cicak *basilisk*.

Spesies cicak paling besar adalah biawak komodo sepanjang 3 meter yang hidup di Asia Tenggara dan memiliki selera yang besar termasuk menjadikan babi hutan dan rusa sebagai diet (Steve Parker, 2011).

Tabiat Cicak

Cicak tinggal di semua tempat termasuk kawasan gurun, hutan hujan tropika, persisiran pantai malah di rumah-rumah di mana makanan mudah didapati dan selamat untuk membiak. Majoriti daripada 4500 spesies cicak hidup di kawasan hutan tropika. Cicak membiak dengan cara bertelur (Jaka Wismono, Riyanto, 2004).

Makanan kegemaran cicak berupa nyamuk, kelkatu dan kupu-kupu. Terdapat juga spesies cicak yang makan buah-buahan dan cacing tanah. Apabila diancam, cicak akan memutuskan ekor bertujuan menyelamatkan diri dari pemangsa. Kemampuan ini disebut *autotomi* (Lela Fony Sulistyowati, Dodo Hermana, 2009).

Autotomi merupakan cara mempertahankan diri daripada serangan pemangsa. Anggota yang terpisah dari tubuh akan bergerak-gerak bertujuan membingungkan pemangsa. Beberapa jenis haiwan lain turut memiliki kemampuan autotomi misalnya kepiting, udang, bintang laut dan sotong kurita. Bagi spesies cicak lain, kebanyakannya mendesis, mengembung atau menegakkan badan serta menyerang dengan kuku tajam (Steve Parker, 2011).

Ancaman Bakteria *Salmonella* Sebaran Cicak

Perkara paling dibenci tentang cicak adalah tabiatnya yang suka membuang najis merata-rata. Najis merupakan kotoran yang mengandungi banyak mikroorganisma penyebab penyakit. Kotoran cicak lazimnya dijumpai pada tempat takungan pam air dan makanan (Djamalin, Sulistyani, 1985).

Malahan reptilia memang dikenal sebagai pembawa utama *salmonella*. Oleh itu, pendedahan secara langsung kepada sentuhan, kulit dan najis cicak mampu menyebarkan jangkitan bakteria *salmonella* (OIE Terrestrial Manual, 2010).

Selain itu, najis cicak turut mengandungi bakteria "*Escherichia Coli*." *E-Coli* merupakan bakteria yang dikaitkan dengan keracunan makanan yang mengakibatkan sakit perut. Najisnya turut mampu merosakkan skrin telefon bimbit.

Berbalik kepada fokus utama, *salmonella* merupakan sejenis bakteria yang menyebabkan penyakit berjangkit dipanggil *salmonellosis* dan hidup di dalam usus manusia dan haiwan (Suprpto, D. 2007). Di kebanyakan negara Eropah, bakteria *salmonella* jenis *S. Enteritidis* dan *S. Typhimurium* merupakan ancaman utama. Manakala jenis *S. Typhimurium* lebih dominan di Utara Amerika (Wray & Wray, eds. 2000).

Salmonella menular dengan cara sentuhan dan tersebar kepada manusia melalui pengambilan makanan tercemar (Depkes, 1989). Jangkitan *salmonellosis* mudah tersebar dan mencemari hampir semua jenis makanan seperti daging, sayur-sayuran, bijirin dan air. Kebiasaannya, produk berasaskan telur dan daging merupakan medium utama pemindahan jangkitan *Salmonella*. Namun begitu, produk tenusu, sayur salad dan rempah turut terlibat dalam beberapa kes (European Commission EUROPA, 2009).

Pada awal Februari 2016, dilaporkan terdapat 28 kes keracunan *salmonella* di negeri Victoria, Australia. Ini memaksa pihak berkuasa kesihatan Australia mengeluarkan perintah tarik balik (*recall*) produk salad dan tomato keluaran Tripod Farmers yang dikenal pasti sebagai punca penularan wabak. Setakat ini, dua orang telah dirujuk ke hospital namun pihak berkuasa Australia menjangkakan lebih banyak kes. Hal ini kerana *Salmonella* kebiasaannya menyerang selepas 6 hingga 72 jam setelah dihidam (The New York Times, 4 Februari 2016).

Kebanyakan mereka yang dijangkiti akan mengalami demam panas, cirit-birit dan kekejangan abdomen bermula daripada 12 hingga 72 jam selepas jangkitan berlaku. Kesakitan yang dialami biasanya berlanjutan sehingga 4-7 hari (World Health Organization, 1994).

Pada Ogos 2015 lalu, Malaysia turut digemparkan dengan peningkatan kes demam kepialu (*tifoid*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL). Kejadian demam kepialu bukanlah keadaan luar biasa di Kuala Lumpur dengan bilangan kes sejak 5 tahun lalu adalah di antara 7 hingga 35 kes setahun.

Demam kepialu merupakan antara penyakit yang disebabkan oleh bakteria *salmonella typhi* yang mencemari makanan atau minuman.

Seseorang yang dijangkiti akan mengalami gejala di antara satu hingga tiga minggu selepas mengambil

makanan atau minuman tercemar. Jika tidak dirawat, gejala tersebut boleh berterusan sehingga beberapa minggu bahkan menyebabkan komplikasi seperti perdarahan dan kebocoran saluran penghadaman, keradangan otak serta *psikosis* (Berita Harian Online, 19 Oktober 2015).

Salmonella boleh memberi kesan buruk dalam waktu singkat apabila sudah merebak ke bahagian lain tubuh badan seperti darah dan tulang. Serangan *salmonella* boleh melemahkan sistem imunisasi badan seterusnya menyebabkan masalah dehidrasi ekstrim atau berakhir dengan kematian terutama terhadap kanak-kanak atau golongan tua yang memiliki tahap imunisasi badan yang lemah.

Signifikan Nas Yang Menyebutkan Cicak Sebagai Haiwan Fasiq

Nabi Muhammad SAW telah memperingatkan akan ancaman haiwan tertentu semenjak ribuan tahun. Hal ini menjadi asas perbahasan apabila memperkatakan mengenai haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut Islam. Sabda bingkai SAW;

Terjemahan: Dari 'Aishah RA, Nabi SAW pernah bersabda: "*Lima (jenis) haiwan yang fasiq dan boleh dibunuh walaupun di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing liar.*" [Hadith riwayat al-Bukhari]

Lafaz "*haiwan fasiq*" dalam hadith bermaksud haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya kepada manusia (Ibn Manzur, t.t.).

Kalimah (خَمْسٌ فَوَاسِقٌ) dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun, ia tidak terhad pada lima haiwan tersebut.

Nabi Muhammad SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006) sebagaimana hadith;

Terjemahan: Dari 'A'ishah RA; sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "*Cicak merupakan haiwan kecil yang fasiq (jahat), (akan tetapi) aku tidak pernah mendengar perintah untuk membunuhnya (cicak).*" [Hadith riwayat al-Bukhari]

Meskipun beliau ('A'ishah) tidak mendengar perintah Nabi SAW secara langsung, ini tidak bermakna larangan membunuh cicak. Terdapat banyak *athar* lain yang memerintahkan supaya membunuh cicak bahkan gelaran fasiq bagi cicak itu sendiri telah

menjadikannya harus dibunuh (Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi, 1999). Dalam satu hadith;

Terjemahan: Dari Sa‘id Ibn al-Musayyib RA berkata; “*Sesungguhnya Ummu Sharik mengkhabarkan kepadanya bahawa Nabi SAW memerintahkan (supaya) membunuh cicak.*” [Hadith riwayat al-Bukhari]

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda; “*Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama. Sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua.*” [Hadith riwayat Muslim]

Fasiq dan Signifikannya Terhadap Haiwan

Penggunaan “*fasiq*” terhadap haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan (Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.) disebabkan sifatnya yang membawa datang kemudharatan, kehinaan dan kemusnahan kepada manusia.

Ketujuh-tujuh haiwan fasiq (tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing liar, ular dan cicak) semuanya memiliki sifat zalim yang mengancam kesejahteraan hidup (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi, 1968).

Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai fasiq, hanya sebagai satu bentuk perumpamaan (*isti‘arah*) kepada aspek kemudharatan yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut (Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.). Imam Ibn Daqiq al-‘Aid pernah menyebutkan;

“*Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat “menggangu (menyakiti manusia)” merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu oleh kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas*” (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2006).

Justeru, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq amat berkaitan dengan sifat “*menggangu*”, “*mendatangkan mudarat*,” dan “*melampaui batas*” haiwan-haiwan tertentu terhadap manusia (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Haiwan perosak juga bererti haiwan yang jahat. Golongan petani tidak suka dengan haiwan perosak dan ia dibunuh melalui penggunaan racun (Kamus Dewan Online, 2013). Melihatkan kepada takrifan berikut, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Namun begitu, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih meluas. Para ulama menggunakan istilah haiwan fasiq kerana disabdakan Nabi SAW. Kelompok haiwan fasiq tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja (iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing).

Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori “*haiwan fasiq*”. Pendapat ini juga disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2006).

Oleh itu, para ulama bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai fasiq untuk mengisyaratkan gelaran “*fasiq*” kepada semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan gagak dan helang untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu manusia dengan menyambar seperti helang dan bersikap pengotor seperti gagak pemakan bangkai.

Manakala permissalan anjing ‘*aqur*’ menunjukkan sifat fasiq haiwan yang menyerang dengan gigitan taringnya seperti serigala dan singa (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2006). Sebutan “‘*aqrab*’” (kala jengking) untuk menunjukkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun seperti ular, lipan, lebah dan sebagainya.

Justeru, istilah haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanyalah istilah dari perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam (Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, t.t.).

Kesimpulannya, kelompok haiwan fasiq seperti ular, tikus, helang, cicak, kala jengking, anjing dan ular merupakan haiwan perosak yang mempunyai tabiat buruk dan berbahaya. Setiap haiwan membawa motif dan kerosakan berbeza dalam kategorinya.

Jadual 1: Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak Masa Kini

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
Tikus	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
Kala Jengking	Berbisa Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
Burung Gagak	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Mengganggu manusia dengan bunyi yang bisung Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
Burung Helang	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
Anjing	Bengis Pembawa Penyakit (contoh; <i>Rabies</i>) Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
Ular	Berbisa Memusuhi manusia Menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
Cicak	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat

Ulasan *Fiqh al-Hadith* Mengenai Cicak Sebagai Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Cicak dan Sifatnya

Para ulama' mendefinisikan cicak sebagai haiwan reptilia yang pekak, terdiri daripada pelbagai spesies dengan ciri-ciri utama mempunyai bentuk badan leper dan kulit berwarna putih keputihan. Terdapat juga cicak yang memiliki kulit berbintik-bintik seakan-akan terkena sopak dipanggil *abras* ('Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Itayubi al-Wallawi, 1996).

Cicak makan dengan menjulurkan lidahnya yang melekit untuk menangkap serangga (Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001). Ia tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat *za'faran* selain mampu berhibernasi selama 4 bulan pada musim sejuk tanpa makanan.

Ia juga mempunyai sedikit persamaan dengan ular dari segi bentuk badan sepertimana persamaan antara kala jengking dan kumbang (Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, 2001).

Dikenali sebagai haiwan pengotor, cicak cukup dibenci oleh kerana suka membuang najis ke dalam bekas makanan dan minuman. Imam al-Nawawi menyatakan para ulama' bersepakat mengakui perihal cicak sebagai haiwan melata jenis perosak (*hasharat*) dan memudaratkan kesihatan (*mu'dhiyat*) dengan kekotoran dan penyebaran penyakit (al-Qadi 'Iyad, 1998).

Malahan menurut Islam, cicak memang dikenal sebagai haiwan yang jahat. Ini boleh dilihat pada perincian *nas* berikut;

Terjemahan: Dari Ummu Sharik RA berkata; sesungguhnya Nabi SAW telah memerintahkan agar dibunuh cicak. Nabi SAW bersabda: "*Saat Nabi Allah Ibrahim AS (dibakar hidup-hidup), haiwan ini (cicak) telah meniup-niup api agar lebih marak membakar.*" [Hadith riwayat al-Bukhari]

Sekali imbas, hadith di atas seolah-olah mengisyaratkan Nabi SAW menyeru supaya membunuh cicak atas dasar dendam disebabkan pernah membantu meniup api yang membakar Nabi Ibrahim AS. Namun hakikatnya bukan sepertimana yang digambarkan. Dalam Islam, tiada makhluk yang dihukum atas kesalahan lampau.

Hadith tersebut sebaliknya bertujuan menunjukkan sifat cicak yang suka melampaui batas terhadap manusia semenjak dahulu dimulai permusuhan terhadap Nabi Ibrahim AS. Malah, cicak turut diumpamakan sebagai haiwan yang memusuhi orang mukmin dan membantu kaum musyrik menyakiti orang beriman (Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, 1999).

Hukum Fiqh Berkenaan Cicak

Mengulas hukum najis cicak, para ulama berselisih pendapat mengenai kategori cicak, sama ada tergolong dalam kalangan haiwan berdarah atau tidak. Pendapat muktamad dalam mazhab al-Shafi'i menyatakan cicak merupakan haiwan berdarah.

Jika najisnya terkena pada pakaian atau tubuh, hukumnya *mutanajjis* dan tidak boleh dibawa solat (Wahbah al-Zuhayli, 1985). Orang yang solat padahal tahu dirinya terkena najis cicak perlu mengulangi solat. Jika tidak tahu, ia dimaafkan syara'. Dalam solat jemaah, ma'mum yang mengetahui terdapat najis cicak pada imam, dia perlu *mufarraqah* dari solat berjemaah. Jika sebaliknya, maka dimaafkan.

Mengambil kira *umum al-Balwa* (musibah umum), najis cicak dikira najis yang dimaafkan jika berada di tempat yang terdapat banyak tahi cicak. Anggota wudhu' jika terkena najis cicak perlu dibasuh. Solat tetap sah jika terkena najis cicak oleh kerana termasuk dalam kalangan najis yang susah dielakkan (Wahbah al-Zuhayli, 1985).

Jika najis atau bangkai cicak termasuk ke dalam air yang tidak sampai dua kolah, air tersebut hukumnya *mutanajjis* (sudah terkena najis). Jika sebaliknya, air tersebut tetap suci.

Ibn 'Abd al-Barr dalam *al-Tamhid* pernah menyatakan memakan haiwan fasiq merupakan perkara yang dibenci Islam. Justeru, perintah Nabi SAW supaya membunuh cicak dan menggelarkannya sebagai haiwan fasiq telah memasukkannya ke dalam kategori haiwan yang tidak boleh dimakan. Jumhur ulama' turut bersepakat mengharamkan memakan cicak (Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, 1999).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan isu cicak tokek (سام أبرص). Muzakarah berpandangan para fuqaha' telah mengklasifikasikan tokek sebagai haiwan yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan menjijikkan (*khabis*) dan beracun. 'Uruf masyarakat Islam di Malaysia juga tidak menjadikan cicak sebagai makanan (*e-Fatwa*, 2013).

Spesies Cicak yang Dianjurkan Dibunuh

Beberapa aspek telah diambil kira bagi mengenalpasti jenis cicak *al-Wazagh* yang dianjurkan supaya dibunuh iaitu;

Menurut Bahasa Arab, cicak dikenal dengan pelbagai istilah mengikut tahap tumbesaran. Antara yang sering digunakan ialah *al-Wazagh* (الوزغ) (Ibn Manzur, t.t.). Cicak melalui tiga tahap tumbesaran sepanjang hidup iaitu;

Pertama: Tahap kelahiran sehingga berusia 14 tahun. Pada tahap ini, cicak digelar *al-'Aza'ah* (العظانه) atau lebih dikenali dengan *al-Wazagh* (الوزغ) atau *abu baris* (أبو بريص) di Semenanjung Tanah Arab

Kedua: Usia 14 hingga 40 tahun, dikenali sebagai *al-Sihliyyah* (السحلية)

Ketiga: 40 tahun dan ke atas, dikenali sebagai *al-Haruba'* (الحرياء)

Spesies cicak yang sering dilihat di bahagian atap atau dinding-dinding rumah ialah dari jenis *al-Wazagh* (cicak berusia 14 hingga 40 tahun). Ia juga tinggal di celah-celah batu dan lazimnya lari apabila didekati.

Pakar Bahasa Arab turut menyebutkan cicak (الوزغ) dan cicak bersaiz besar (سام أبرص) adalah dari jenis yang sama. Jika dilihat pada namanya iaitu (سام أبرص), berasal dari kulitnya yang berbintik-bintik seakan sopak (*vitiligo*) beracun, namun ia dipanggil begitu oleh bangsa Arab disebabkan kecerahan kulitnya dan kepantasan pergerakannya.

Al-Fayyumi menukilkan dari kitab *al-Qamus* bahawa cicak (الوزغ) itu sendiri merupakan cicak besar (سام أبرص) (Butris al-Bustani, t.t.). Pandangan ini turut disokong Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi yang menukilkan pendapat sama dari kitab *al-Nihayah* (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968). Justeru, cicak *al-Wazagh* bersaiz besar merupakan cicak *sam abras* (سام أبرص) (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Oleh itu, cicak besar (سام أبرص) termasuk *gecko* (tokek) yang popular di Malaysia merupakan dari spesies cicak *al-Wazagh* sebagaimana disebutkan Nabi SAW cuma berbeza saiz.

Tokek merupakan nama umum bagi cicak bersaiz besar di Malaysia. Warna cicak besar berbeza mengikut iklim. Gelaran tokek berasal dari suaranya. Istilah tokek lazimnya merujuk kepada jenis tokek rumah. Tokek rumah merupakan jenis reptilia yang tergolong ke dalam golongan cicak besar suku *gekkonidae*. Ia boleh ditemui di timur India, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Thailand, Semenanjung Malaysia, Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Timor Leste dan Kepulauan Filipina.

Seterusnya, 'illah yang wajar diambil kira dalam memilih jenis cicak yang harus dibunuh ialah;

Pertama: jenis yang bersarang berhampiran atau di dalam rumah

Kedua: mengotorkan rumah, mencemarkan makanan dan minuman dengan najisnya sepertimana sifat cicak rumah dan tokek di Malaysia. Spesies lain keluarga cicak seperti sesumpah atau iguana tidak boleh dibunuh kerana ia bukan haiwan yang tinggal berhampiran

manusia dan secara tabiatnya bukan haiwan pengganggu.

Namun begitu, biawak yang berasal dari keluarga cicak dan suka memakan telur ayam peliharaan, wajar dibunuh kerana memudaratkan haiwan dan hasil penternak.

Kesimpulannya, cicak rumah dan cicak besar (tokek) yang terdapat di Malaysia merupakan spesies cicak *al-Wazagh*. Ia harus dibunuh kerana tergolong dalam kalangan haiwan fasiq (haiwan perosak) yang memudaratkan manusia sekitar. Hukum ini tidak terhad kepada cicak, bahkan terpakai pada haiwan lain seperti nyamuk, kutu, pijat dan lipas yang tergolong dalam kalangan haiwan perosak kecil.

Hukum Membunuh Cicak

Terjemahan: Dari Sa'id Ibn al-Musayyib RA berkata; “*Sesungguhnya Ummu Sharik mengkhabarkan kepadanya bahawa Nabi SAW memerintahkan (supaya) membunuh cicak.*” [Hadith riwayat al-Bukhari]

Hadith tertera menjadi sandaran jumbuh dalam mengharuskan membunuh cicak. Mengulas lafaz [*وَلَمْ يَأْمُرْ بِقَتْلِهِ*] iaitu (*aku tidak mendengar perintah Nabi SAW supaya membunuhnya*) dalam hadith ‘A’ishah RA sebelumnya;

Terjemahan: Dari ‘A’ishah RA: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “*Cicak merupakan haiwan kecil yang fasiq (jahat), (akan tetapi) aku tidak pernah mendengar perintah untuk membunuhnya (cicak).*” [Hadith riwayat al-Bukhari]

Meskipun beliau tidak mendengar perintah Nabi SAW secara langsung, ini tidak bermakna larangan membunuh cicak. Terdapat banyak *athar* lain yang memerintahkan supaya membunuh cicak bahkan gelaran fasiq bagi cicak itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh (Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi, 1999). Dalam satu hadith lain;

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda; “*Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama. Sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua.*” [Hadith riwayat Muslim]

Mengulas hal ini, Imam al-Nawawi menyatakan para ulama’ berpandangan;

Pertama: Perselisihan berkenaan ganjaran bagi orang yang membunuh cicak dengan pukulan pertama juga menunjukkan perbezaan ganjaran bagi seseorang mengikut niat dan keikhlasan masing-masing. Orang yang melaksanakan sunnah dengan ikhlas dan sempurna, maka akan diberikan seratus kali ganjaran, dan tujuh puluh kali ganjaran bagi sebaliknya menurut riwayat yang lain (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Kedua: Lafaz ganjaran sebanyak tujuh puluh kali kebaikan yang diperoleh jika berjaya membunuh cicak pada pukulan pertama, tidak menafikan ganjaran seratus kali kebaikan yang disebut dalam riwayat lain malah tidak pula bercanggah antara keduanya.

Ketiga: Mungkin Nabi SAW menyebutkan ganjaran sebanyak tujuh puluh kali kebaikan terlebih dahulu, kemudian Allah SWT membenarkan tambahan selayak mengikut-Nya. Maka ganjaran seratus kali kebaikan adalah berdasarkan wahyu selepas itu.

Kesimpulannya, *khilaf* nilai ganjaran bagi orang yang membunuh cicak dengan pukulan pertama sama ada seratus atau tujuh puluh kali kebaikan adalah bersifat *mafhum ‘adad*. Ia sebenarnya mengisyaratkan keutamaan membunuh cicak dengan pukulan pertama. Ini sebagaimana khilaf nilai ganjaran bagi solat berjemaah sama ada dua puluh lima atau dua puluh tujuh kali kebaikan daripada solat bersendirian. Keduanya adalah diterima (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Ganjaran pahala berlipat kali ganda bagi sesiapa yang membunuh cicak dengan pukulan pertama merupakan galakan kepada umat Islam agar mempermudah dan bersifat ihsan dalam membunuh haiwan fasiq. Ia bertindak sebagai suatu bentuk motivasi agar berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan menghapuskan kejahatan dan kerosakan sebagaimana firman-Nya;

Terjemahan: “*Berlumba-lumbalah kamu dalam mengerjakan kebaikan.*” [Surah al-Baqarah (2): 148]

Ganjaran pahala berlipat kali ganda ditawarkan bagi orang yang membunuh cicak merupakan satu bentuk anjuran kepada umat Islam agar berusaha membunuh dengan sempurna. Jika tidak boleh membunuh dengan sekali pukulan, mungkin akan meyeaksakan cicak. Hukum ini turut boleh diaplikasi dalam menghukum manusia yang suka melakukan kerosakan selepas berusaha menasihati dan memberi peringatan (Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi, 1999).

Ibn ‘Abd al-Barr turut menukilkan pendapat ulama yang mengharuskan membunuh cicak baik di luar atau dalam tanah Haram.

Namun begitu, Imam Malik berpandangan orang ihram tidak boleh membunuh cicak. Jika telah membunuhnya, hendaklah bersedekah kerana cicak tidak termasuk dalam lima jenis haiwan fasiq utama sebagaimana ular, tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing.

Pendirian terbaik dalam hal ini ialah sebagaimana pandangan ‘Ata’; “*Apabila cicak mengganggu, maka kamu boleh membunuhnya.*” Justeru, cicak hanya dibunuh apabila memudaratkan manusia (Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001). Persepsi cicak dibunuh disebabkan kesalahan lampau terhadap Nabi Ibrahim AS adalah tidak benar sama sekali.

Kaedah Interaksi dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) Menurut *Fiqh al-Hadith*

Mengenal Spesies Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

Mengenal haiwan fasiq dan jenis seumpamanya merupakan piawaian utama. Haiwan fasiq (haiwan perosak) dikenalpasti berasaskan 4 kriteria utama iaitu;

[*Pertama*]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup (melampaui batas).

[*Kedua*]: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan.

[*Ketiga*]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan).

[*Keempat*]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

Memahami sifat-sifat haiwan fasiq, membolehkan langkah mengenalpasti, mencegah dan menangani ancaman kelompok haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan secara berkesan. Ini sekaligus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh mengakibatkan pembabitian haiwan tidak terlibat.

Kaedah Membunuh Haiwan Perosak

Metode terbaik dalam berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudaratnya pada manusia ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran fasiq terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh (Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2001).

Hal ini berlandaskan kaedah *fiqh al-Darar Yuzal*, iaitu kemudatan mesti dihapuskan (Abd Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2000).

Islam menganjurkan umatnya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan tersebut

ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Hal ini dikiaskan dari cara membunuh cicak yang diajarkan Nabi Muhammad SAW.

Sekaligus mengelakkan haiwan tersebut terseksa menanggung kesakitan sementara menunggu pukulan kedua (Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi al-Hasani, t.t.). Ini berdasarkan hadith;

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda; “*Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi.*” [Hadith riwayat Muslim]

Sheikh ‘Iz al-Din Ibn ‘Abd al-Salam turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi, 1968) bahkan menepati maqasid hadith Nabi SAW berikut;

Terjemahan: Dari Shaddad Ibn Aws RA, sesungguhnya Nabi SAW bersabda, “*Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan dalam semua perkara. Jika kamu membunuh, perelokkan pembunuhan kamu.*” [Hadith riwayat Muslim]

Mengulas cara paling tepat membunuh haiwan fasiq, harus diteliti pada tindakan Saidatina ‘A’ishah RA. Beliau menggunakan tombak dan lembing untuk membunuh cicak.

Terjemahan: Dari Sa’id Ibn al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (Ummu Sharik) datang kepada ‘A’ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka ‘A’ishah bertanya: “*Untuk apakah lembing ini?*” Ummu Sharik pun menjawab: *Untuk membunuh cicak.* “*Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya.*” [Hadith riwayat al-Nasa’i]

Terjemahan: Dari Sa’ibah Maulah al-Fakih Ibn al-Mughirah bahawasanya dia menemui ‘A’ishah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya

kepada ‘A’ishah RA: “*Wahai Ummu al-Mu’minin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini?*” ‘A’ishah RA menjawab: “*Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami bahawa tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniup-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya.*” [Hadith riwayat Ibn Majah]

Hal ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik (‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996) sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyeksakan dan kurang mendatangkan kesakitan.

Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar, melemas, merejam, memberi makanan beracun atau cara lain berasaskan kekejaman. Ini berpandukan hadith;

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah RA, Rasulullah SAW bersabda; “*Seorang nabi daripada nabi-nabi telah duduk di bawah sebatang pokok, dan seekor semut betina menggigitnya, maka baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya keluar dari (kawasan) bawah pokok tersebut. Kemudian baginda memerintahkan supaya dibakar seluruh sarang semut tersebut dengan api, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya: Adakah hanya kerana seekor semut betina?*” [Hadith riwayat al-Bukhari]

Kaedah Memukul dan Menyembur Racun Pada Muka Haiwan Perosak

Terjemahan: Dari Jabir RA berkata: “*Rasulullah SAW melarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya.*” [Hadith riwayat Muslim]

Mengulas nas berikut, memukul haiwan pada bahagian muka adalah dilarang kerana kepala merupakan anggota tubuh yang lembut dan sensitif. Ijma’ ulama turut mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) seperti keldai dan unta kerana menyeksakan haiwan (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930). Dalam riwayat lain, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun himar (keldai) pada wajahnya (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*) seperti semut dan kala jengking, Imam al-Nawawi menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawi pula

tetap tidak membolehkannya dengan merujuk kepada laknat Nabi SAW yang menunjukkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, menyembur racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) adalah haram. Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan. Inilah pegangan sahabat RA dan jumur ulama. Namun, Imam Abu Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq jenis berdarah (*al-Adami*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman.

Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930) dan tidak sampai kepada hukum haram. Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawawi dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Adami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

Kaedah Pemindahan dan Pemusnahan Habitat Haiwan Perosak

Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpama tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabit yang terkecuali dari hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya diceroboh.

Bagi spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari penempatan manusia.

Kaedah Efektif Kontemporari Selaras dengan Tuntutan Syara’

Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan seperti anjing, helang dan gagak, cara lain adalah diharuskan seperti menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan

gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur penyeksaan dan ikhlas kerana Allah SWT (Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, 1930).

Metode lain adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar sukasa tetapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyeksaan dan penganiayaan terhadap haiwan serta efektif. Islam mengutuk perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Ini dijelaskan hadith,

Terjemahan: Dari 'Amru Ibn al-Sharid berkata, aku mendengar al-Sharid RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "*Barangsiapa membunuh burung dengan sia-sia, maka ia akan mengadu di hadapan Allah SWT nanti dengan berkata: "Ya Allah Ya Tuhanku, si fulan telah membunuhku dengan sia-sia."* [Hadith riwayat al-Nasa'i]

Teknik Kawalan Khusus Mencegah Jangkitan *Salmonella*

Terjemahan: Dari Jabir Ibn 'Abdillah RA berkata; "*Tutuplah bekas-bekas makanan kamu, lindungilah bekas-bekas minuman kamu, tutuplah pintu-pintu.*" [Hadith riwayat al-Bukhari]

Melalui *atraf* hadith tersebut, Nabi Muhammad SAW menyarankan supaya bekas makanan dan minuman ditutup bagi mengelakkan sebarang kemasukan atau campur tangan bendasing yang boleh memberi akibat buruk kepada makanan dan manusia.

Dalam hal ini, pencegahan jangkitan *salmonella* boleh dilakukan dengan melindungi makanan (melalui kaedah penyimpanan yang baik) daripada campur tangan haiwan perosak misalnya tikus, lalat dan cicak.

Selain itu, kaedah terbaik untuk mengelakkan jangkitan *Salmonella* adalah dengan memastikan kawalan kebersihan yang ketat ketika proses penyembelihan (Saeed A.M. et al. 1999) serta bahan masakan dibasuh sehingga bersih (OIE Terrestrial Manual, 2010).

Langkah-langkah lain yang boleh diambil termasuklah membasuh tangan sekerap mungkin selepas mengendalikan makanan. Mengasingkan daging mentah dan makanan laut daripada makanan lain dalam peti sejuk turut membantu. Selain itu, makanan perlu dipastikan dimasak sebaik mungkin dan pada suhu yang betul (J. Pelczar, M. Chan, 1988).

Bagi peminat dan pemelihara haiwan eksotik seperti cicak, tokek dan iguana, amalan kebersihan diri

yang baik (*good self hygiene*) perlu dipastikan setelah mengendalikan haiwan tersebut.

Manakala sisa kumbahan haiwan mesti dibuang daripada kurungan utama sekerap mungkin bagi mengurangkan bahaya penyakit contohnya jangkitan *Salmonella* dan mengurangkan penularan bau.

Hal ini telah dinyatakan melalui Garis Panduan Pemeliharaan Hidupan Liar oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) (Garis Panduan Pemeliharaan Hidupan Liar, t.t.).

Kesimpulan

Terdapat beberapa spesies haiwan yang bertindak melampaui batas dengan gangguan dan mudarat terhadap manusia sehingga memberi impak negatif terhadap kelestarian hidup. Rasulullah SAW telah memperingatkan akan potensi mudarat yang mampu dihadirkan kelompok haiwan tertentu termasuk cicak terhadap manusia semenjak ribuan tahun dahulu.

Oleh itu, terdapat kaedah kawalan tertentu yang dianjurkan Islam bagi mengawal kelompok haiwan terbabit. Bahkan dalam Islam, menghilangkan kemudaratan dari segenap arah termasuk ancaman haiwan fasiq tergolong dalam *amar ma'ruf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*. Hal ini tidak lain demi memelihara kesejahteraan hidup manusia dari sebarang bentuk ancaman meski dari golongan haiwan.

Justeru, pengkaji berharap supaya kajian ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya dalam membentuk satu garis panduan dalam teknik kawalan makhluk perosak berasaskan Islam yang dapat dijadikan rujukan bersama.

Rujukan

'Abd al-Rahman Muhammad Idris al-Razi Ibn Abi Hatim, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Makkah-Riyadh: Maktabah Nazar Mustafa al-Baz, 1997), 4: 1148-1149

'Ali al-Muhsini, Dawr al-'Adalah fi al-Tanmiyah al-Iqtisadiyyah, *Majallah Islamiyyah Fikriyyah al-Tawhid*, 95, Julai 1998, 54

'Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Itayubi al-Wallawi, *Sharh Sunan al-Nasa'i al-Musamma Dakhirah al-'Uqba fi Sharh al-Mujtaba* (Riyadh: Dar al-Mi'raj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 8

'Imad al-Din Abu al-Fida' 'Isma'il Ibn Kathir al-Dimashqi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Taba'ah wa al-Nashr, 2000), 13: 144-148

- Abd Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ahmad al-Ansari al-Qurtubi, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006), 6: 41
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari, "Al-Jami' al-Musnad Min Hadith Rasulillah wa Sunanih wa Ayyamih," dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn 'Abd al-Aziz Al al-Syakh (Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi', 2000), 267
- Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi al-Hasani, *Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharh Sahih Muslim* (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 313
- Abu 'Abd Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali al-Nasa'i, *Sunan al-Nasa'i* (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1988), 439
- Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, "Sahih Muslim," dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi', 2000), 1076
- Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, *'Aun al-Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 173
- Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ashath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzi', 1988), 627
- Ahmad al-Sharbashi, *Mawsu'ah Akhlaq al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Ra'id al-Ghasb, 1981), 2: 44
- Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Wataniah Ithna' Nashr, 2001), 6: 454
- Al-Qadi 'Iyad, *Sharh Sahih Muslim lil Qadi 'Iyad al-Musamma Ikmal Mu'allim bi Fawa'id Muslim* (al-Mansurah: Dar al-Wafa' lil Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1998), 7: 174
- Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud Ibn Ahmad al-'Aini, *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari* (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2001), 15: 346
- Berita Harian Online, *Wabak Demam Kepialu Menular di KL*, 19 Oktober 2015
- Butris al-Bustani, *Qamus Mutawwal li Lughah al-'Arabiah Muhit al-Muhit* (Beirut: Maktabah Lubnan, t.t.), 967
- Donnelly, James H., Jr. et al. *Fundamentals of Management*, ed. ke-10, (Boston: Irwin/Mc Graw Hill, 1998), 97
- e-Fatwa*, dicapai pada 12 September 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-dan-berubat-dengan-cicak-gekko-gekkotokay>
- Eli Sulistyanto, Edy Wiyono, *Ilmu Pengetahuan Alam* (Indonesia: Pusat Perbukuan Departemen Pendidikan Nasional, 2008), 4
- European Commission EUROPA -*Food Safety-Biological Safety of Food-Salmonella and Food-borne Diseases*, 2009
- Garis Panduan Pemeliharaan Hidupan Liar*, (Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), t.t.), 1-33
- Hidayat, *Pengenalan Ordo Beberapa Famili Serta Anggota Spesies*, (Bogor: Isroi, 2005)
- Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (terj.) Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 195-196
- Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzi', 1986), 545.
- Ibn Manzur, Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t.), 5: 3414
- Jaka Wismono, Riyanto, *Gembira Belajar Sains* (Indonesia: Grasindo, 2004) 37
- Judy Pearsall, *The Concise Oxford Dictionary*, ed. ke-10 (Oxford: Oxford University Press, 1999), 489
- Kamus Dewan Online*, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 20 September 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+perosak>

- Keith Brown, Kamus *Oxford Student's Dictionary of English* (New York: Oxford University Press, 2001), 386
- Khalil al-Nahwi, *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar* (Larousse: Munazzamah al-'Arabiah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, 1991), 318
- Lela Fony Sulistyowati, Dodo Hermana, *Ayo Belajar Ilmu Pengetahuan Alam IPA* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 2009), 5
- Marie Farre, *Haiwan Prasejarah*, Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd, 1995), 10
- Miqdad Yaljin, *Al-Ittihad al-Akhlaq fi al-Islam* (Mesir: Maktabah al-Khanji, 1973), 35
- Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, (t.tp., Dar al-Fikr lil Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi', t.t.), 3: 576
- Muhammad Loqman, *Islamic Ethics in Management*, dalam *Ethics in Business and Management*, ed. Khaliq Ahmad et al. (London: ASEAN Academic Press, 2001), 276
- Mohd Farhan Md Ariffin (2015), "Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq dalam Al-Kutub Al-Sittah: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu, Perak" (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)
- Mohd Farhan Md Ariffin, *Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan dan Metode Interaksi Berasaskan Fiqh al-Hadith*, Jurnal Intelek, 2015, 10 (1), 55-66.
- Neti Lim et al., *Seni Panduan Belajar dan Evaluasi, Ilmu Pengetahuan Alam* (Jakarta: Pt Gramedia Widiasarana Indonesia, 2006), 3
- OIE Terrestrial Manual, *Salmonellosis*, World Assembly of Delegates of the OIE, May 2010, 1-19
- Saeed A.M., Gast R.K., Potter M.E. & Wall P.G., *Salmonella Enterica Serovar Enteritidis In Humans And Animals: Epidemiology, Pathogenesis and Control*, (USA: Iowa State University Press, 1999)
- Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, *Ihda' al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah* (t.tp., Maktabah Dar al-Yaqin, 1999), 4: 400
- Sheikh Khalil Ahmad al-Sahhar Nafawri, *Bazl al-Majhud fi Hal Abu Dawud* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, t.t.), 20: 206
- Steve Parker, *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2011), 22
- Sulayman Ibn Dawud Ibn al-Jarud, *Musnad Abu Dawud al-Tiyalisi* (Mesir: Hajar, t.t.), 1: 262
- Syed Abu al-'Ala al-Maududi, *Memahami al-Qur'an* (t.tp. Cetakan Delhi, 1965), 562
- The New York Times, *Australia Issues Salad Recall after 28 Salmonella Poisoning Cases*, 4 Februari 2016
- Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1985), 1: 161
- World Health Organization (WHO), *Guidelines on Detection and Monitoring of Salmonella Infected Poultry Flocks with Particular Reference to Salmonella enteritidis*, Wray C. & Davies R.H., eds. (WHO, Geneva, Switzerland, 1994), Z00N/94.173
- Wray C, & Wray A, Eds, *Salmonella in Domestic Animals*, (UK: CAB International, Wallingford, Oxon, 2000)
- Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim* (Mesir: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1930), 14: 236-237
- Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh Peradaban Sunnah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan* (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 185